

## KERAJAAN PAHANG SEDIA TIGA PELAN PEMULIHAN BANJIR

**KUANTAN, 9 JANUARI 2021:** Tiga pelan pemulihan merangkumi pelan jangka pendek, sederhana dan panjang disediakan bagi membantu mangsa banjir yang terjejas.

YB. Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Sri Dr. Salehuddin Ishak berkata, antara bantuan yang diberikan termasuk tenaga kerja bagi kerja-kerja pembersihan dan tempat tinggal sementara buat mereka yang kehilangan kediaman.

"Pelan jangka pendek ialah selepas sahaja banjir selesai seperti di daerah Lipis dan Raub di mana sekarang ini banjir mulai surut dan hampir semua mangsa telah pulang untuk membersihkan rumah masing-masing.

"Kerajaan Negeri telah mengatur rancangan bersama semua jabatan termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan NGO untuk membantu membersihkan kediaman penduduk secara serta merta terutama bagi mengelak penyakit akibat sampah, bangkai dan najis binatang," katanya ketika temubual secara langsung bersama Astro Awani.

Bagi mengelak wabak penyakit juga, beliau yang juga Pengurus Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri berkata, pihak Kerajaan Negeri sedang membuat perolehan air bersih sebanyak mungkin untuk diedarkan kepada penduduk.

"Kita telah buat pesanan lebih satu juta botol air minuman dan bekalan tersebut telah diterima daripada NGO dan penyumbang-penyumbang air bersih yang tampil membantu.

"Kita tidak mahu penduduk menggunakan atau memasak air yang diambil daripada sungai atau telaga yang kita bimbang tahap kebersihannya," katanya.

Sementara itu, beliau berkata pelan jangka masa sederhana ialah mendaftarkan mangsa banjir kehilangan rumah (musnah) termasuk yang rosak teruk serta mengaturkan perpindahan selepas selesai menguruskan penyewaan rumah (sementara).

"Bagi pelan jangka masa panjang pula, Kerajaan Negeri telah bermesyuarat dan YAB Menteri Besar sendiri telah mengaktifkan Jawatankuasa Pra Bencana yang dipengerusikan oleh saya sendiri dengan penglibatan beberapa EXCO negeri.

"Pelan ini melibatkan usaha pemulihian ekonomi termasuk pertanian dan ternakan yang musnah serta punca pendapatan yang hilang. Kita akan bantu sepenuhnya dengan kerjasama semua pihak terlibat," katanya. **-PAHANGMEDIA**

**Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)**

**#MajuTerusPahang  
#Pahang1st  
#KerajaanNegeriPahang  
#UKOMP**

**Oleh: Fairus Mohd**

## (LIPUTAN BERGAMBAR)

